



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
(Bagi Minggu 17/2015 dari 26 April hingga 2 Mei 2015)**


Pada minggu ke 17 tahun 2015, iaitu dari 26 April hingga 2 Mei 2015, sejumlah 1,490 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara, iaitu meningkat 44 kes (3%) berbanding 1,446 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat tujuh (7) negeri yang menunjukkan peningkatan iaitu Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka dan Pahang. Dari Januari hingga 2 Mei 2015, jumlah kumulatif kes denggi adalah 40,007 kes berbanding 29,788 kes untuk tempoh yang sama tahun 2014 iaitu meningkat sebanyak 34.3% (10,219 kes).

Manakala untuk kematian denggi pula, bagi tempoh yang sama sebanyak 126 kematian denggi dilaporkan dengan peningkatan sebanyak 91% berbanding 66 kematian pada tahun 2014. Kadar kematian kes denggi '*Case Fatality Rate*' adalah 0.3% yang mana ia lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan iaitu kurang dari 0.2%. Negeri yang mencatatkan kematian tertinggi adalah Selangor iaitu 65 kematian, WP Kuala Lumpur & Putrajaya 14 kematian, Perak 11 kematian, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang masing-masing enam (6) kematian dan negeri-negeri lain kurang dari lima (5) kematian. Analisa Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati sebanyak 27% atau 34 daripada 126 kematian yang dilaporkan mempunyai masalah kesihatan

yang lain seperti penyakit darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan masalah obesiti.

Masyarakat diminta sentiasa peka dengan tanda-tanda demam denggi dan amaran awal seperti sakit perut, cirit birit dan muntah berterusan. Oleh kerana tiada rawatan khusus dan juga vaksin bagi penyakit demam denggi, maka pengesanan awal akan menyelamatkan pesakit daripada mengalami komplikasi. Manifestasi klinikal kes denggi yang dilihat pada masa ini semakin serius seperti kegagalan fungsi organ, hepatitis dan keradangan otak. Bagi negara-negara yang mempunyai beban kes denggi yang tinggi seperti Malaysia, kebanyakan penduduk telah dijangkiti demam denggi lebih dari sekali dalam seumur hidup mereka. Oleh itu, fenomena '*Secondary Infection*' yang boleh menyebabkan komplikasi lebih teruk boleh berlaku dikalangan pesakit sehingga menyebabkan kematian terhadap pesakit.

Selain itu, pemantauan KKM juga menunjukkan terdapat "serotype shift" atau perubahan serotaip denggi yang mula berlaku pada hujung bulan April tahun ini, dimana serotaip yang dominan berubah daripada serotaip DEN 1 kepada DEN 2. Faktor ini boleh menyebabkan peningkatan semula kes dan juga kematian denggi. Sehubungan itu, komitmen daripada pelbagai jabatan, agensi, NGO dan semua lapisan masyarakat adalah diperlukan terutama dalam memastikan kebersihan persekitaran menjadi keutamaan iaitu bebas daripada pembiakan Aedes.



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

7 MEI 2015

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2015
(26 April hingga 2 Mei 2015)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2014
		Minggu 17 (26 April – 2 Mei 2015)	Minggu 16 (19 – 25 April 2015)		
1	Perlis	1	1	103 (1)	59
2	Kedah	12	12	314 (1)	237 (2)
3	P. Pinang	103 (1)	66	1,726 (6)	640 (3)
4	Perak	151 (1)	143	4,358 (11)	2,057 (6)
5	Selangor	819 (2)	833 (2)	23,376 (65)	16,874 (26)
6	WP KL & Putrajaya	116 (1)	102	2,324 (14)	2,577 (4)
7	N. Sembilan	36	27	652 (6)	1,476 (2)
8	Melaka	25	24	630 (2)	920 (3)
9	Johor	123	111 (1)	2,339 (5)	1,767 (12)
10	Pahang	28 (1)	27	936 (4)	393
11	Terengganu	6	11	444 (2)	273 (1)
12	Kelantan	9	23	603 (3)	1,718 (4)
13	Sarawak	38	39	982 (2)	378 (2)
14	Sabah	23	27	1,219 (4)	408 (1)
15	WP Labuan	0	0	1	11
	MALAYSIA	1,490 (6)	1,446 (3)	40,007 (126)	29,788 (66)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 2 MEI 2015 (Mg 17)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	188	205
2	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	152	188
3	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	79	177
4	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	80	163
5	SELANGOR	Hulu Langat	Kuis	64	159
6	PERAK	Kinta	Kg Sg Tapah Tambahan	73	153
7	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	86	149
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	83	140
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	26	134
10	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	35	132
11	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	61	125
12	PERAK	Kinta	Tmn Pertama	34	119
13	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	57	119
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	27	111
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	94	108
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	58	107
17	SELANGOR	Petaling	Dun Bg Seksyen 14 Teres B : Jln 14/29 - Jln 14/49	32	104
18	SELANGOR	Gombak	Appt Desa 1	66	102
19	SELANGOR	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	35	99
20	SELANGOR	Sepang	The Arc Condo	28	98
21	PERAK	Kinta	Kg Bercham	28	97
22	PERAK	Kinta	Kg Manjoi	28	96
23	SELANGOR	Sepang	Taman Seroja	22	95
24	SELANGOR	Gombak	Bdr Country Home Fasa 1	30	92

25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Flat A Jln 19/15 Blok 1 - 5)	28	86
26	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Goodyear Court 9)	24	80
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Kaw Perindustrian B : Jln 15/7 - 15/16, Jln 15/20 - 21)	18	76
28	SELANGOR	Gombak	Kg Sg Bakau	16	74
29	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 1 Apt Tmn Petaling Utama (Blok A - D : Jln Pjs 1/52)	13	71
30	PERAK	Kinta	Kwsn Perindustrian Tasek	19	68
31	SELANGOR	Petaling	Ss 17/3	20	68
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	14	64
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Pelangi : Jln U5/122 - U5/136c & Jln U5/Ak, Aj, Ah & Ag)	16	64
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 Teres A (Jln 17/2 - 17/15)	18	59
35	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/1 & Sebahagian 4/2-4/4)	14	59
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 (Taman Subang Baru)	10	59
37	SELANGOR	Petaling	Usj 11/3	7	54
38	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	8	51
39	PERAK	Kinta	Kwsn Perindustrian Silibin	14	50
40	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cheras Jaya	17	50
41	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Penjara Kajang	14	46
42	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 (Kg Melayu Subang A : Jln Bukit Badak)	7	44
43	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	27	43
44	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Sri Kelana Kondo	53	41
45	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	11	41
46	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	8	40
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	10	40
48	SELANGOR	Sepang	Apartment Dahlia	8	40
49	PERAK	Kinta	Kg Nalla N/V	13	39
50	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya	5	39
51	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	11	39
52	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Tempua	8	38
53	SELANGOR	Gombak	Au2c Taman Keramat	7	37

54	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	10	37
55	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	4	37
56	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	4	37
57	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya 2	10	36
58	SELANGOR	Klang	Appartment Golden Villa	14	36
59	SELANGOR	Petaling	Du Ss 22 (5)	12	36
60	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Langat	5	35
61	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 9	6	34
62	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	10	34
63	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 15/1 Seksyen 15 Bandar Baru Bangi	9	33
64	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Impian Indah	11	33
65	SELANGOR	Petaling	Usj 8 (Ipd Subang Jaya & Kuarters Bomba)	12	33
66	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 5	6	32
67	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Impian Indah	4	32
68	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/13a-C Seksyen 3 Taman Kajang Utama	7	32
69	PERAK	Kinta	Pekan Tg Tualang	4	31
70	PERAK	Kinta	Tmn Sri Kanthan	7	31
71	SELANGOR	Petaling	Seksyen U3 (Subang Perdana : Rumah Kedai)	4	31
72	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Tmn Medan Baru (Teres E : Jln Medan 29, 30, 31, 32)	4	31